

1103/1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
September  
2015  
2  $\frac{1}{4}$  jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

---

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2015

---

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

## Bahagian A


[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah yang diperoleh daripada media massa. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

## Faedah Media Massa

## Ilmu Pengetahuan



**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1 Sebagai Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu, anda ditugaskan untuk menyediakan laporan tentang program gotong-royong perdana yang telah dijalankan di sekolah anda. Sediakan laporan itu selengkapnya.

2 Gejala sosial yang melanda masyarakat di negara kita semakin serius dan memerlukan kerjasama yang jitu untuk menanganinya.

Jelaskan peranan yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menangani gejala ini.

3 Bersatu teguh, bercerai roboh merupakan peribahasa yang menggambarkan betapa pentingnya kita hidup bersatu padu.

Berikan pendapat anda tentang kepentingan perpaduan kepada negara kita.

4 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) perlu menggembelng tenaga untuk mewujudkan keamanan di dunia.

Huraikan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh negara-negara anggota untuk merealisasikan.

5 Buah cempedak di luar pagar,  
Ambil galah tolong jolokkan;  
Saya budak baru belajar,  
Kalau salah tolong tunjukkan.

Pantun di atas menjelaskan kepentingan belajar dan berguru untuk memperoleh ilmu.

Sebagai remaja yang berwawasan, terangkan cara-cara belajar yang berkesan.

**KERTAS SOALAN TAMAT**